

Upko tidak mahu isu agih kerusi, calon diperdebat

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN

KOTA KINABALU: Parti Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) tidak mahu isu pengagihan kerusi dan pemilihan calon di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang di negeri ini diperdebatkan secara besar-besarnya.

Presidennya, Tan Sri Bernard Dompok berkata, dalam Upko ia akan menyerahkan apa juga permintaan dan cadangan berhubungan soal kerusi dan calon pada pilihan raya akan datang kepada BN.

"Ini terpulang kepada BN untuk memutuskan siapa yang akan menjadi calon, bagaimanapun Upko memang berhasrat untuk mewakili masyarakat Kadazandusun Murut dalam kawasan ramai masyarakat Kadazandusun Murut,"katanya kepada pemberita selepas perbincangan ucapan dasarnya sempena Kongres ke-9 parti itu di Pusat Kebudayaan Sabah di Penampang kelmarin.

Pada perbincangan ucapan dasar presiden parti itu, kelmarin majoriti perwakilan yang mengambil bahagian pada mahu Upko diberikan kerusi yang lebih banyak terutamanya diberi peluang untuk bertanding di kawasan majoriti pengundinya masyarakat Kadazandusun Murut.

Antaranya perwakilan daripada Bongkor mahu supaya BN meletakkan calon daripada parti itu untuk bertanding di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Keningau iaitu, kerusi Bingkor, Sook dan Liawan.

Manakala perwakilan daripada Papar pula mahu supaya salah satu kerusi DUN iaitu, Kawang, Pantai Manis atau Bongawan diberikan untuk ditandingi oleh calon daripada Upko pada pilihan raya akan datang.

Di samping itu, perwakilan daripada Tandek, Matunggong dan Kiulu turut menyuarakan permintaan yang sama yang mahu supaya calon Upko diletakkan sebagai calon di kawasan berkenaan.

Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, apa yang ditimbulkan oleh para perwakilan parti itu, tidak mehairankan memandangkan sebelum ini

ada parti-parti komponen BN telah mengeluarkan pendapat mereka mengenai isu berkenaan.

Katanya, perjuangan Upko sejak ia ditubuhkan dan memasuki BN sematamata untuk memberi perwakilan kepada masyarakat Kadazandusun Murut dan sehingga kini tidak ada perubahan terhadap pendirian parti itu.

"Saya juga perhatikan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN telah memerhati isu kandungan perjuangan Upko... walaupun demikian kita tidak mahu menjadi satu perdebatan besar mengenai pemilihan siapa yang akan menjadi calon pada pilihan raya akan datang," katanya.

Menurut Dompok, ini kerana ia akan memberi gambaran tidak sihat kepada khlayak umum, kerana jika isu itu terus ditimbulkan ia di lihat bahawa Upko lebih mementingkan untuk menjadi wakil rakyat daripada menjalankan tugas parti yang berjuang untuk satu sasaran yang telah kenalpasti.

Ditanya sama ada Upko akan menerima apa juga keputusan BN dalam soal agihan kerusi pada pilihan raya akan datang, Dompok berkata, "tidak ada parti dalam komponen BN yang tidak boleh menerima keputusan BN.

"Itu satu kenyataan ...bukan pilihan Upko atau mana-mana parti dalam BN yang tidak mahu akur dengan keputusan BN," katanya.

Sehubungan itu, Dompok berkata, beliau telah menasihati ahli-ahli parti itu supaya tidak memperdebatkan secara umum mengenai soal calon itu dan menghormati dan menghayati konsep perjuangan BN.

Mengenai isu tidak ada perwakilan daripada parti itu yang menduduki dalam jawatankuasa kerusi Kadazandusun di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti itu, Petrus Guriting, Dompok berkata, beliau akan mendapatkan taklimat terlebih dahulu daripada Naib Canselor UMS sebelum memberikan sebarang komen.

Katanya, setakat ini beliau belum mendapat taklimat penuh mengenai perkara ini dan berharap ia tidak diperdebatkan secara terbuka kerana ia merupakan urusan universiti.

Katanya, adalah lebih wajar untuk terlebih dahulu mendapat taklimat daripada universiti itu, sebelum mengeluarkan sebarang komen sama ada komen positif ataupun sebaliknya.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan mengadakan lawatan ke universiti berkenaan tetapi bukan atas tujuan khusus mengenai perkara berkenaan, ia adalah untuk melihat universiti berkenaan.

Kemungkinan katanya semasa kunjungan itu nanti, Naib Canselor UMS akan memberi taklimat kepada beliau mengenai perkembangan terbaru kerusi Kadazandusun di UMS.